

Peraduan Maybank2u Bina Bersama
Terma & Syarat-syarat

Peraduan Maybank2u Bina Bersama (" Peraduan ") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 200701029411) (secara kolektif disebut sebagai "Maybank") dan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat-syarat ini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1 di bawah) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat-syarat peraduan dan sebarang keputusan yang diambil oleh pihak Maybank adalah muktamad.

1. Kelayakan dan Platform

- a) Peraduan ini hanya terbuka kepada pelanggan yang mempunyai akaun individu dan pemilik tunggal Maybank dan MAE di Malaysia ("Peserta yang Layak") yang melaksanakan transaksi tertentu, yang dinyatakan sebagai 'Transaksi yang Layak' dalam Fasal 2.0 di bawah melalui laman sesawang Maybank yang baharu (<http://www.maybank2u.com.my/home/m2u/common/login.do>) atau aplikasi Maybank2u MY ("Platform Peraduan").
- b) Peraduan ini hanya boleh diakses melalui aplikasi Maybank2u MY.

2. Mekanik dan Syarat-syarat Peraduan

- a) Peraduan akan bermula pada 17 Ogos 2020 dan berakhir pada 20 September 2020, termasuk kedua-dua hari yang dinyatakan ('Tempoh Peraduan').
- b) Tempoh penangguhan dari 21 September 2020 hingga 25 September 2020, termasuk dua hari yang dinyatakan, adalah untuk Peserta yang Layak melihat hadiah mereka melalui halaman 'My Prizes' di aplikasi Maybank2u MY. Pada masa ini, Peserta yang Layak tidak lagi dapat menggunakan mana-mana peluang yang diperolehi untuk bermain Ganjaran Gemilang. Tujuan tempoh penangguhan adalah untuk Peserta yang Layak melihat Hadiah yang telah dimenangi (jika ada) dan menyimpan dan/atau menggunakan baucar beli-belah yang dimenangi sepanjang tempoh kempen ini.
- c) Peserta yang Layak dikehendaki melaksanakan transaksi terpilih melalui Platform Peraduan iaitu sama ada laman web Maybank2u atau aplikasi Maybank2u MY ("Transaksi yang Layak"; dihuraikan dalam jadual 1.0 di bawah).
- d) Setiap Transaksi yang Layak akan memberikan pelanggan satu peluang untuk bermain Ganjaran Gemilang ("Permainan") di aplikasi Maybank2u MY, dan memberikan pelanggan peluang untuk memenangi wang tunai dan/atau baucar beli-belah.
- e) Peluang untuk bermain Permainan yang terkumpul adalah berdasarkan bilangan transaksi dan bukan nilai transaksi tersebut.
- f) Berdasarkan Transaksi yang Layak, Peserta yang Layak akan menerima peluang seperti dinyatakan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Transaksi yang Layak

No.	Jenis Transaksi yang Layak	Amaun Minimum	Peluang untuk bermain yang diberikan
1	Sumbangan kepada MaybankHeart (melalui laman web Maybank2u atau aplikasi Maybank2u MY)	Min RM30	1
2	Pembayaran Bil melalui M2U & MAE	Min RM30	1
3	Tambah Nilai Prabayar melalui M2U & MAE	Min RM30	1
4	Tambah Nilai Kredit Permainan melalui M2U & MAE	Min RM30	1
5	JomPAY melalui M2U & MAE	Min RM50	1
6	Pendaftaran kali pertama Secure2u	Pendaftaran kali pertama <i>(Tidak memerlukan jumlah minimum)</i>	1
7	Pindahan ASNB melalui M2U	Min RM30	1
8	DuitNow melalui M2U (wang keluar sahaja)	Min RM50	1
9	Pindahan Dana Luar Negara - Pindahan Dana Telegrafik Asing (FTT)	Min RM300	1
10	Pindahan Dana Luar Negara - Western Union (WU)	Min RM300	1
11	Tabung Haji melalui M2U	Min RM30	1
12	Insurans Perjalanan	Min RM30	1
13	Insurans Motor (Pembelian & Pembaharuan)	Min RM30	1

14	Pesanan dalam talian melalui Sama-Sama Lokal	Min RM30	2
15	Penggunaan QRPay di kedai & Peniaga dalam talian	Min RM30	2
16	EzyCash melalui M2U	Min RM3,000	2
17	Pendaftaran Akaun Maybank2u	Pendaftaran kali pertama <i>(Tidak memerlukan jumlah minimum)</i>	3
18	Pengaktifan e-dompet MAE	Pendaftaran kali pertama <i>(Tidak memerlukan jumlah minimum)</i>	3
19	Pendaftaran Maybank2u Savers Account	Pendaftaran kali pertama <i>(Tidak memerlukan jumlah minimum)</i>	3

*Contoh 1: Seorang Peserta yang Layak menambah nilai prabayar RM30 dalam satu transaksi melalui Maybank2u atau e-dompet MAE akan mendapat satu (1) peluang untuk bermain Ganjaran Gemilang.

*Contoh 2: Pelanggan Maybank2u sedia ada mengaktifkan e-dompet MAE beliau melalui aplikasi Maybank MY App mendapat tiga (3) peluang untuk bermain Ganjaran Gemilang.

- g) Bagi mengelakkan kekeliruan, peluang yang diberi hanya akan sah sepanjang Tempoh Peraduan. Sebarang peluang yang tidak digunakan akan ditarik semula selepas Tempoh Peraduan dan Maybank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung kerugian atas peluang yang tidak digunakan oleh Peserta yang Layak.
- h) Peserta yang Layak dapat mengakses Permainan, sama ada sebelum atau selepas log masuk ke aplikasi Maybank2u MY. Peserta yang Layak boleh memeriksa jumlah peluang yang ada untuk bermain melalui laman sesawang Maybank yang baharu dan aplikasi Maybank2u MY.
- i) Pihak Maybank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung kerugian atas kehilangan data dan/atau hadiah sepanjang Tempoh Peraduan. Contoh kehilangan data dan/atau hadiah merangkumi tetapi tidak terhad kepada; sebarang kehilangan kod baucar belanja selepas memadam aplikasi Maybank2u MY sepanjang tempoh kempen, Peserta yang Layak tidak menyimpan baucar beli-belah sepanjang tempoh kempen dan/atau kehilangan telefon bimbit.

- j) Sebarang peluang yang tidak digunakan untuk Permainan akan dianggap luput selepas Tempoh Peraduan dan tidak akan diganti dengan wang atau hadiah oleh pihak Maybank.
- k) Peserta yang Layak dibenarkan untuk terus menyertai Peraduan dengan butiran log masuk Maybank2u yang sama.
- l) Hadiah-hadiah daripada penyertaan dalam Peraduan ini hanya dipautkan dengan butiran log masuk Maybank2u yang sama.
- m) Sebarang peluang yang terkumpul untuk Permainan yang telah luput, dan semua peluang-peluang yang diperoleh dan/atau disimpan sebelum ini, hadiah yang dimenangi ('Data Peraduan') tidak akan dikembalikan atau digunakan.
- n) Peluang yang diperoleh untuk bermain akan terkumpul sepanjang tempoh Peraduan dan tidak akan luput sepanjang tempoh ini.
- o) Pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara, pihak Maybank akan menawarkan peluang pusingan bonus Ganjaran Gemilang kepada mana-mana Peserta yang Layak. Peluang bonus ini bertujuan meningkatkan peluang Peserta yang Layak untuk memenangi hadiah. Peserta yang Layak perlu memeriksa aplikasi Maybank2u MY untuk peluang bonus dari masa ke semasa. Sila ambil maklum bahawa pihak Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk memaklumkan pusingan bonus kepada Peserta yang Layak.
- p) Sekiranya Peserta yang Layak telah memadam aplikasi Maybank2u MY atau selainnya dihapuskan dari peranti mereka, sama ada melalui tindakan sendiri atau orang lain, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, Maybank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung kerugian bagi sebarang kehilangan data dan/atau hadiah yang dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
- q) Sebarang hadiah yang tidak dituntut oleh Peserta yang Layak akan dianggap sebagai terbatal dan tidak akan diganti oleh pihak Maybank.

3. Hadiah

- a) Hadiah yang tersedia untuk Peraduan adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual 2.0 dan jadual 3.0 di bawah:

Jadual 2 .0: Baucar beli-belah

Jenama	Penerangan	Kuantiti	Tarikh luput
Hermo	Diskaun RM6 (perbelanjaan minimum RM50)	80,000	30 Oktober 2020
ZALORA	Diskaun RM 10 (perbelanjaan minimum RM100)	30,000	30 Oktober 2020
Photobook	75% off untuk buku foto, hiasan dinding & rumah (Tiada perbelanjaan minimum)	70,000	30 Oktober 2020

Kasut.my	Diskaun RM10 (perbelanjaan minimum RM100)	50,000	30 Oktober 2020
Huawei	Diskaun RM100 (perbelanjaan minimum RM1,000)	50,000	15 Oktober 2020
	Akses percuma selama 3 bulan ke Saluran Video Huawei		

Jadual 3.0: Hadiah Tunai

Amaun	Penerangan	Kuantiti
RM0.20	Hadiah Wang Tunai Kecil	2,550,000
RM0.50	Hadiah Wang Tunai Kecil	340,000
RM2.00	Hadiah Wang Tunai Kecil	55,250
RM5.00	Hadiah Wang Tunai Kecil	8500
RM500.00	Hadiah Wang Tunai Besar	26
RM1,000.00	Hadiah Wang Tunai Besar	4

- b) Peserta yang Layak yang telah memenangi hadiah ('Pemenang') boleh memenangi pelbagai baucar beli-belah dan pelbagai Hadiah Wang Tunai kecil pada masa yang sama. Walaubagaimanapun, setiap Peserta yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah Wang Tunai Besar sepanjang Tempoh Peraduan.
- c) Setiap Peserta yang Layak boleh memenangi Hadiah Tunai Kecil bernilai maksimum RM20.00, satu (1) Hadiah Wang Tunai Besar dan lima puluh (50) baucar beli-belah sepanjang Tempoh Peraduan.
- d) Baucar beli-belah dan Hadiah Wang Tunai Kecil akan diberikan serta-merta kepada Pemenang. Hadiah Wang Tunai Besar yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau simpanan Maybank Pemenang selepas 14 hari kerja dan setelah pengesahan Pemenang yang berjaya oleh pihak Maybank.
- e) Peserta yang Layak mesti mengaktifkan e-dompet MAE e-Wallet untuk menuntut kedua-dua hadiah wang tunai kecil dan atau besar. Jika Peserta yang Layak gagal mengaktifkan e-dompet MAE beliau, Hadiah Wang Tunai yang dimenangi tidak akan diberikan dan hadiah tersebut akan ditarik balik pada akhir Tempoh Peraduan.
- f) Semua baucar beli-belah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat daripada pengeluar bacuar atau penaja, iaitu Fu Gui Sdn Bhd (Kasut.my), Huawei Technologies

(Malaysia) Sdn. Bhd., Hermo Creative (M) Shd. Bhd., Jade Eservices Malaysia Sdn. Bhd. (ZALORA) dan Photobook Worldwide Sdn. Bhd.

- g) Pihak Maybank berhak untuk menggantikan mana-mana dan/atau semua hadiah yang disenaraikan di atas dengan sebarang hadiah lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama dengan notis dua puluh satu hari (21) kepada Pemenang. Pemenang akan diberitahu sama ada melalui e-mel atau panggilan telefon daripada kakitangan Maybank rasmi.

4. Derma Bina Bersama

- a) Halaman Derma Bina Bersama boleh diakses melalui <http://www.maybank2u.com.my/>, aplikasi Maybank2u MY dan/atau e-dompet MAE. Peserta yang Layak boleh menderma Hadiah Wang Tunai Kecil yang dimenangi dan/atau membuat apa-apa sumbangan tambahan daripada akaun Maybank2u dan/atau e-dompet MAE.
- b) Setiap sumbangan dengan jumlah minimum RM30 akan mendapat satu peluang untuk permainan ini.
- c) Semua sumbangan yang dibuat oleh Penghantar/pengguna Maybank2u akan dikreditkan dengan serta-merta kepada pemegang akaun amanah yang dimiliki oleh Maybank Heart dan jumlah keseluruhan akan diagihkan sama rata mengikut klausa (e) dan (f) di bawah .
- d) Pengiraan seluruh negara akan menunjukkan jumlah sumbangan masa sebenar sepanjang Tempoh Peraduan.
- e) Semua sumbangan daripada Kempen akan diberikan sama rata kepada penerima yang dipilih oleh Community Empowerment Pillars di Maybank Heart.
- f) Untuk setiap Transaksi yang Layak yang dibuat melalui Maybank2u atau aplikasi Maybank2u MY, pihak Maybank akan menyumbangkan beberapa peratus daripada transaksi tersebut kepada Maybank Heart. Amaun maksimum yang akan disumbangkan oleh Maybank adalah RM15,000 setiap penerima.
- g) Penerima sumbangan adalah seperti di bawah:
- i. HOPE Worldwide KL
 - ii. Great Heart Charity
 - iii. All Women's Action Society (AWAM)
 - iv. Tenaganita
 - v. National Cancer Society
 - vi. Yayasan Anak Waris Alam (YAWA)

5.0 Pemilihan Pemenang

- a) Hadiah akan diberikan secara rawak dan pemenang akan dipilih melalui program pemilihan secara rambang oleh Maybank daripada keseluruhan Peserta yang Layak dalam setiap kategori (Program pemilihan secara rambang ini dalam bentuk mekanisme kebarangkalian dengan maklumat operasi proprietari yang tidak akan dinyatakan kepada Peserta yang Layak atau orang awam).

- b) Penyertaan dalam Peraduan ini ditafsirkan sebagai persetujuan oleh Peserta yang Layak dengan penggunaan program pemilihan secara rambang dan Peserta yang Layak jelas menerima sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Peraduan.
- c) Pemenang akan menerima mesej melalui Platform Peraduan (aplikasi Maybank2u MY) untuk makluman hadiah yang dimenangi dan sebarang arahan penebusan, jika berkenaan.
- d) Semasa proses pengesahan Pemenang, maklumat kad pengenalan Pemenang hendaklah sama seperti maklumat yang didaftarkan di Maybank2u. Sekiranya terdapat perbezaan, penyertaan peserta akan dibatalkan dan hadiah tersebut akan ditarik semula.
- e) Peserta yang Layak bersetuju bahawa penyertaan mereka dalam Peraduan Bina Bersama M2U akan dianggap sebagai persetujuan yang jelas oleh Peserta yang Layak untuk membenarkan mana-mana dan/atau semua data peribadi Peserta yang Layak yang diperolehi melalui aplikasi (atau sebaliknya) sepanjang Tempoh Peraduan untuk disimpan, diproses dan digunakan oleh pihak Maybank mengikut Notis Privasi, yang boleh dilihat di www.maybank.com.my ("Maybank Notis Privasi").
- f) Pihak Maybank berhak untuk meminta dokumen tambahan atau bukti bertulis berkaitan pengenalan peribadi, umur dan tempat kediaman daripada mana-mana atau semua Pemenang sebelum menerima hadiah.

6.0 Terma & Syarat-syarat Umum

- a) Pihak Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua berkenaan dengan sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan oleh Peserta yang Layak melalui QRPay atau Maybank2u, dengan syarat bahawa yang sama tidak disebabkan atau diakibatkan oleh Maybank serta penentuan kelayakan pelanggan untuk Peraduan.

Maybank berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menangguhkan atau menghentikan Peraduan ini atau mana-mana bahagiannya dengan notis dua puluh satu (21) hari. Notis itu boleh diterbitkan oleh Maybank melalui laman web Maybank2u (www.maybank.com.my) dan/atau melalui sebarang cara komunikasi yang lain yang akan ditentukan oleh pihak Maybank. Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk mengambil tahu atau mendapatkan maklumat sah notis tersebut.

- b) Untuk mengelakkan keraguan, pindaan, pemendekan, pembatalan, penangguhan atau penamatan Peraduan ini oleh pihak Maybank tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak atau orang lain untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Maybank atas kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung dari pindaan, pemendekan, pembatalan, penangguhan atau penamatan tersebut.

- c) Pihak Maybank tidak bertanggungjawab bagi sebarang kerugian, gantirugi atau kos yang dihadapi atau dialami oleh mana-mana Peserta yang Layak akibat penyertaan mereka dalam Peraduan ini. Tambahan pula, pihak Maybank juga tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang perkara yang terjadi yang diakibatkan oleh force majeure yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada tindakan alam, peperangan, rusuhan, sekat masuk, wabak atau pandemik, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Maybank yang munasabah.
- d) Terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini diatur oleh Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- e) Maybank berhak, mengikut budi bicaranya, mendiskualifikasi/menolak mana-mana Peserta yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu Peraduan dan/atau prosesnya atau operasi Peraduan ini. Gangguan termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan berkaitan hal Peraduan ini.
- f) Sebarang perubahan (mana-mana terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini) akan mengikat Peserta yang Layak (melalui sebarang notis yang dipaparkan di laman web Maybank2u.)
- g) Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk membenarkan data peribadi beliau untuk dikumpul, diproses dan digunakan oleh pihak Maybank mengikut Notis Privasi Maybank seperti yang dinyatakan di www.maybank.com.my (“Notis Privasi Maybank”). Peserta yang Layak dialu-alukan untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Maybank untuk mana-mana Terma dan Syarat-syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- h) Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Notis Privasi Maybank, Peserta yang Layak bersetuju dan membenarkan data peribadi atau maklumatnya untuk dikumpulkan, diproseskan dan digunakan oleh Maybank untuk:
 - i. tujuan Kempen; dan
 - ii. sebarang aktiviti pemasaran dan promosi yang dilakukan oleh Maybank termasuk, tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk iklan dan publisiti media dan bahan rakaman seperti audio dan/atau visual yang diterbitkan di surat khabar, televisyen, radio atau media dalam talian dan digital di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi ini termasuk dan tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa maklumat yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, temubual dan gambar-gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, setiap Peserta yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian

dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah dengan Maybank yang berkaitan dengan Peraduan ini.

- h) Untuk maklumat lebih lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Peraduan ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, Peserta yang Layak boleh menghantar e-mel kepada pihak Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my).